

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2012

Article by: Dr. Harry Chong Lye Hin

Pesta buku ini yang merupakan pameran buku tahunan yang terbesar di Malaysia telah berlangsung pada 27 April hingga 6 Mei 2012 di Pusat Dagangan Dunia Putra. Setiap program pengajian di Sekolah Sains dan Teknologi telah diberikan bajet RM12,000.

Dua pensyarah kita telah ditugaskan untuk memilih buku-buku iaitu Ag. Sufiyan Abd. Hamid bertanggungjawab untuk program Fizik Elektronik, Matematik dengan Ekonomi, Matematik dengan Komputer Grafik, Geologi dan Kimia industri, dan Dr. Harry Chong Lye Hin bertanggungjawab untuk program Sains Sekitaran, Sains Marin, Sains Akuakultur, Biologi Pemuliharaan dan Bioteknologi.

